

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN FADHLINA BINTI
DATO' SIDEK**

SOALAN

Puan Fadhlina binti Dato' Sidek minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah pengeluaran Perintah Perlindungan Sementara (IPO), Perintah Perlindungan (PO) dan Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) bagi kes keganasan rumah tangga mengikut negeri sejak tahun 2019 hingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu keganasan rumah tangga, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil tindakan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]. Menerusi akta ini, Kerajaan memperuntukkan perlindungan undang-undang dalam situasi keganasan rumah tangga.

Berdasarkan **statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)**, jumlah pengeluaran **Perintah Perlindungan Sementara (IPO)**, **Perintah Perlindungan (PO)** dan **Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO)** sejak 2019 hingga Ogos 2021 ialah:

Jenis Perlindungan	2019	2020	Jan – Ogos 2021
Perintah Perlindungan Sementara (IPO)	194	158	77
Perintah Perlindungan (PO)	16	38	33
Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO)	22	42	16

Pecahan IPO mengikut negeri adalah seperti berikut :

NEGERI	2019	2020	OGOS 2021	JUMLAH
Perlis	0	0	0	0
Kedah	7	13	4	24
Pulau Pinang	12	10	9	31
Perak	8	8	5	21
Selangor	87	63	28	178
Kuala Lumpur	15	10	9	34
Negeri Sembilan	3	4	0	7
Melaka	18	22	9	49
Johor	28	12	8	48
Pahang	2	1	0	3
Terengganu	0	1	2	3
Kelantan	0	0	0	0
Sabah	4	8	3	15
Sarawak	10	6	0	16
JUMLAH	194	158	77	429

SOALAN NO. : 21

Pecahan PO mengikut negeri adalah seperti berikut :

NEGERI	2019	2020	OGOS 2021	JUMLAH
Perlis	0	1	0	1
Kedah	0	0	1	1
Pulau Pinang	3	0	0	3
Perak	0	4	3	7
Selangor	10	17	19	46
Kuala Lumpur	0	0	1	1
Negeri Sembilan	0	2	0	2
Melaka	0	0	0	0
Johor	2	5	2	9
Pahang	0	0	0	0
Terengganu	0	0	0	0
Kelantan	0	0	0	0
Sabah	0	1	1	2
Sarawak	1	8	6	15
JUMLAH	16	38	33	87

Pecahan EPO mengikut negeri adalah seperti berikut :

NEGERI	2019	2020	OGOS 2021	JUMLAH
Selangor	13	19	5	37
Pahang	3	19	6	28
Melaka	4	0	1	5
Sabah	0	1	2	3
W.P. Kuala Lumpur	0	2	0	2
Perlis	1	0	0	1
W.P. Labuan	1	0	0	1
Perak	0	0	1	1
Terengganu	0	0	1	1
Kelantan	0	1	0	1
Kedah	0	0	0	0
Negeri Sembilan	0	0	0	0
Pulau Pinang	0	0	0	0
Johor	0	0	0	0
Sarawak	0	0	0	0
JUMLAH	22	42	16	80

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN FADHLINA BINTI
DATO' SIDEK**

SOALAN

Puan Fadhlina Binti Dato' Sidek minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bajet kewangan yang diperuntukkan kepada Talian Kasih yang dikendalikan mengikut pembahagian operasi serta khidmat talian sejak 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Talian Kasih 15999 adalah talian prihatin masyarakat yang merupakan *single point of contact* kepada orang awam untuk mengemukakan sebarang pertanyaan, aduan mahupun permohonan bantuan. Sejak ia ditubuhkan orang awam dapat menyalurkan pelbagai persoalan dan isu-isu masyarakat supaya dapat disantuni dan diambil tindakan oleh Jabatan dan Agensi berkaitan.

Talian Kasih 15999 telah **beroperasi dengan perbelanjaan sebanyak RM2.33 juta sejak 2019 hingga kini** untuk emolumen dan kos operasi.

Pusat Panggilan Talian Kasih beroperasi selama 24 jam, 7 hari seminggu dan dikendalikan oleh 35 orang pegawai dan kakitangan yang terdiri daripada tiga (3) orang Penyelia dan 32 orang Pegawai Khidmat Pelanggan (PKP) atau *Call Agent* (dengan izin) untuk tiga (3) syif iaitu pagi, petang dan malam. Bagi setiap syif, seorang penyelia dan 9 orang PKP akan bertugas untuk menjawab panggilan dan juga WhatsApp 019-26 15999. Semua pegawai dan kakitangan Talian Kasih adalah memiliki kelayakan akademik daripada bidang-bidang seperti kaunseling dan kerja sosial.

Skop perkhidmatan Talian Kasih merangkumi isu-isu berkaitan keganasan rumah tangga, penderaan kanak-kanak, kaunseling, gelandangan, perlindungan, kebajikan produktif, pembuangan bayi, Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas, kanak-kanak, perkhidmatan kesihatan reproduktif, masalah sosial remaja.

Sejak tahun 2019 hingga kini, Talian Kasih 15999 telah menerima 371,601 panggilan. Daripada jumlah itu, 314,251 adalah pertanyaan manakala dan 57,350 adalah aduan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN FADHLINA BINTI
DATO' SIDEK**

SOALAN

Puan Fadhlina binti Dato' Sidek minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik kes keganasan rumah tangga yang berlaku mengikut jantina, umur, negeri dan punca-punca sejak 2019 hingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu keganasan rumah tangga, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil tindakan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]. Menerusi akta ini, Kerajaan memperuntukkan perlindungan undang-undang dalam situasi keganasan rumah tangga.

Berdasarkan statistik dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sejumlah **2,466 kes keganasan** rumah tangga dicatatkan dari tahun **2019 hingga Julai 2021**.

Pecahan mangsa keganasan rumah tangga mengikut jantina adalah seperti berikut :

JANTINA	2019		2020		JULAI 2021		JUMLAH	
	L	P	L	P	L	P	L	P
Jumlah	46	627	108	939	50	696	204	2,262
Jumlah Keseluruhan	673		1,047		746		2,466	

SOALAN NO. : 23

Pecahan umur mangsa keganasan rumah tangga bagi tahun 2019 hingga Januari-Julai 2021 adalah seperti berikut :

KUMPULAN UMUR	JUMLAH KESELURUHAN			
	2019	2020	JULAI 2021	JUMLAH KESELURUHAN
Kanak-kanak bawah 18 tahun	80	120	54	254
18 - 21 tahun	36	27	28	91
22 - 39 tahun	359	585	441	1,385
40 - 59 tahun	178	293	192	663
60 - 74 tahun	17	18	19	54
75 tahun ke atas	3	4	12	19
Jumlah	673	1,047	746	2,466

SOALAN NO. : 23

Pecahan kes keganasan rumah tangga mengikut negeri antara tahun 2019 hingga Januari-Julai 2021 adalah seperti berikut :

NEGERI	TAHUN			JUMLAH KESELURUHAN
	2019	2020	JULAI 2021	
Selangor	162	322	241	725
Kedah	74	125	86	285
Pulau Pinang	47	88	69	204
Pahang	104	37	58	199
Kelantan	34	163	40	237
Sabah	40	28	50	118
Negeri Sembilan	30	42	56	128
Perak	36	61	39	136
W.P. Kuala Lumpur	36	40	38	114
Johor	35	54	29	118
Sarawak	47	37	13	97
Melaka	21	31	22	74
Terengganu	4	6	3	13
W.P. Putrajaya	3	6	0	9
Perlis	0	5	1	6
W.P. Labuan	0	2	1	3
Jumlah	673	1,047	746	2,466

SOALAN NO. : 23

Pecahan punca berlaku kes keganasan rumah tangga antara tahun 2019 sehingga Januari-Julai 2021 adalah seperti berikut :

SEBAB-SEBAB BERLAKU	2019	2020	JULAI 2021	JUMLAH
Campur tangan mertua	8	19	14	41
Campur tangan pihak ketiga	23	39	31	93
Kaki botol	24	56	29	109
Kaki judi	6	6	7	19
Panas baran	206	267	186	659
Penagih dadah	92	101	86	279
Kehilangan pekerjaan	2	15	25	42
Menganggur	7	10	8	25
Masalah kewangan	45	88	70	203
Mengalami tekanan jiwa	8	18	17	43
Menghadapi tekanan di tempat kerja	1	1	10	12
Pesakit Mental	6	5	12	23
Mempunyai hubungan di luar nikah	13	14	13	40
Sumbang Mahram	1	1	3	5
Berkahwin lain/semula	1	17	2	20
Poligami	1	9	4	14
Perebutan hak penjagaan anak	6	12	7	25
Perbalahan kerana anak	8	17	2	27
Perselisihan faham	75	184	104	363
Perebutan harta	5	6	1	12
Cemburu	61	85	48	194
Isteri mohon cerai	26	32	33	91
Melakukan hubungan secara paksa	6	10	7	23
Lain-lain	42	35	27	104
Jumlah	673	1,047	746	2,466

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN FADHLINA BINTI
DATO' SIDEK**

SOALAN

Puan Fadhlina Binti Dato' Sidek minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan data terkini jumlah perkahwinan bagi kanak-kanak bawah umur 18 tahun mengikut jantina dan negeri sejak 2019 hingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Tindakan menyediakan statistik perkahwinan dan perceraian Orang Islam dan Orang Bukan Islam di Malaysia di bawah 18 tahun mengikut jantina, umur, etnik, dan negeri merupakan di bawah bidang kuasa Jabatan Agama Islam Negeri dan Jabatan Pendaftaran Negara yang diselaraskan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) seperti di bawah Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur. Ini juga bertujuan untuk memastikan bahawa data mengenai perkahwinan dan perceraian di negara ini adalah komprehensif dan menepati keperluan semasa.

Berdasarkan statistik yang diterbitkan oleh DOSM, tren perkahwinan yang melibatkan bawah umur telah menunjukkan penurunan pada tahun 2019 berbanding tahun sebelumnya iaitu pada tahun 2017 dan 2018. Pada tahun 2019, sejumlah 1,466 kes perkahwinan yang melibatkan individu bawah umur telah direkodkan di seluruh negara berbanding 1,856 kes pada tahun 2018 dan 2,107 kes pada tahun 2017.

Daripada keseluruhan 1,466 kes pada tahun 2019 tersebut, sebanyak 167 kes melibatkan kanak-kanak lelaki direkodkan, manakala selebihnya iaitu sebanyak 1,299 kes adalah melibatkan kanak-kanak perempuan. Namun begitu, sekiranya dirujuk mengikut rekod negeri-negeri pula, lima (5) negeri mencatatkan jumlah yang paling tinggi adalah Sabah iaitu 255 kes, diikuti oleh Pahang 224 kes, Perak 185 kes, Johor 176 kes dan Kedah 140 kes.

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik perkahwinan bawah umur yang direkodkan bermula pada tahun 2020 sehingga kini sedang diselaras oleh pihak DOSM bersama agensi di peringkat negeri dan dijangka akan diterbitkan pada 30 November 2021.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK WIRA KOH NAI
KWONG**

SOALAN

Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada peruntukan disalurkan ke Persatuan Kenner Melaka, salah satu pusat autisme di Melaka dan ke pusat-pusat autisme yang lain dan juga apakah bantuan dalam apa segala bentuk yang disalurkan ke pusat autisme memandangkan kes autisme adalah semakin meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memberi **Bantuan Kewangan kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) yang memberikan perkhidmatan penjagaan, perlindungan dan pemulihan kepada kumpulan sasar JKM iaitu Warga Emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan Kanak-Kanak.**

Bagi tahun 2021 sehingga bulan September, JKM telah menyalurkan peruntukan **sebanyak RM2,846,629.60 kepada 14 buah pusat jagaan OKU yang mempunyai pelatih autisme.** Senarai pusat-pusat jagaan tersebut adalah seperti di maklumat tambahan. Kementerian juga telah memperuntukkan sebanyak **RM170,600.00 dan bagi tahun 2021 sebanyak RM183,760.00 melalui Bantuan Kewangan Pengoperasian TASKA OKU kepada TASKA Autisme SibU.** Terdapat seramai 17 orang kanak-kanak OKU sub kategori autism yang berumur antara 2 hingga 6 tahun sedang mendapat intervensi awal dan pemulihan di TASKA OKU tersebut dengan jumlah pengasuh seramai 5 orang dan 3 orang jurupulih.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR TUAN
BALASUBRAMANIAM A/L NACHIAPPAN**

SOALAN

Balasubramaniam a/l Nachiappan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan tentang statistik Talian Kasih 15999 dan sejauh mana hasil yang dicapai melalui inisiatif tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Talian Kasih 15999 adalah talian prihatin masyarakat yang merupakan *single point of contact* kepada orang awam untuk mengemukakan sebarang pertanyaan, aduan mahupun permohonan bantuan.

Segala pertanyaan mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh Kementerian akan dijawab di peringkat Talian Kasih manakala segala butiran aduan dan permohonan akan disalurkan ke Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian untuk tindakan selanjutnya. Aduan dan permohonan yang telah dipanjangkan akan diambil tindakan oleh pegawai yang bertugas di daerah atau negeri berkaitan. Maklum balas kemudiannya akan diberi kepada Talian Kasih selepas siasatan selesai dan status kes akan ditutup di peringkat Talian Kasih.

Sejak 2015 hingga 15 Oktober 2021, Talian Kasih menerima 437,881 panggilan iaitu 60,317 panggilan berkaitan aduan dan 377,564 adalah pertanyaan.

Untuk makluman, daripada 60,317 aduan yang diterima sebanyak 57,998 aduan telah dapat diselesaikan dan 2,319 masih dalam tindakan dan memerlukan siasatan lanjut. Aduan tertinggi yang diterima adalah berkenaan bantuan kebajikan iaitu sebanyak 30,930. Daripada jumlah ini, 29,648 aduan telah diselesaikan. Bagi perkhidmatan kaunseling yang tidak dapat diselesaikan di peringkat Talian Kasih dan dipanjangkan ke JKM, 176 aduan direkodkan dan 147 telah berjaya diselesaikan.

Sekian, terima kasih.